

PM serah kepada Melayu buat penilaian

KUALA LUMPUR, Selasa – Kerajaan menyerahkan kepada orang Melayu sendiri untuk menilai sama ada apa yang dilakukannya sekarang mengorbankan kepentingan mereka atau bagi kebaikan, terutama dalam isu pendidikan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Terpulang kepada mereka nak buat penilaian sama ada apa yang saya buat adalah seperti itu atau saya buat sesuatu untuk kebaikan mereka ataupun sesuatu yang menjadikan keadaan lebih buruk untuk mereka.

“Terpulang kepada mereka untuk menilai,” katanya menjawab soalan mengenai kebimbangan kemungkinan hak keistimewaan Melayu kini kian terhakis berikutan beberapa dasar kerajaan terutama membabitkan isu



**PERHIMPUNAN
AGUNG UMNO**

18 – 23 JUN 2002

tindakan itu tidak kena.

“Dia tak boleh ada usul tak percaya kepada menteri dalam Kabinet, melainkan usul tidak percaya kepada Kabinet dan kerajaan. Memandang bahawa tujuan sebenarnya ialah nak buat usul tak percaya kepada kerajaan, kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno, malangnya disebarkan Menteri Pendidikan...orang itu (Musa) tak

Agung Umno pun, ia akan ditentukan oleh Pengerusi Tetap.

Ditanya sama ada tindakan Umno bahagian Senai yang tidak mengikut prosedur itu perlu dirujuk kepada Lembaga Disiplin parti, beliau berkata ia adalah perkara lain.

Ketua Umno bahagian Senai, Adam Abdul Hamid, dilaporkan berkata pengambiln 10 peratus pelajar bukan Bumiputera memasuki MRSM dan program Matrikulasi bercanggah dengan Fasal 153 Perlembagaan Persekutuan.

Mengikut fasal itu, beliau berkata hak istimewa orang Melayu adalah terjamin dan menjadi sebahagian daripada kontrak sosial antara kaum ketika negara mencapai kemerdekaan.

Dr Mahathir turut dita-

pendidikan.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Taklimat Presiden sempena Perhimpunan Agung Umno 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini petang ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, beliau tidak boleh meralakan apa orang akan kata atau bagaimana reaksi mereka kerana lain orang, lain reaksinya terhadap sesuatu isu.

Kerajaan baru-baru ini membuat keputusan menyediakan kuota 10 peratus kepada bukan Bumiputera bagi kemasukan ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan kursus matrikulasi serta cadangan mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Ditanya kemungkinan ada lagi apa yang dianggap hak istimewa orang Melayu ditarik balik selepas ini, Dr Mahathir berkata beliau tidak ada pendapat mengenai perkara itu.

Mengenai tindakan Umno bahagian Senai meluluskan usul undi tidak percaya terhadap Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad kerana dikatakan gagal menjaga kepentingan Melayu dalam bidang pendidikan, beliau berkata

buat apa salah pun, kesian kat dia,” katanya.

Beliau menjelaskan, sebarang usaha untuk mengemukakan usul seumpama itu mestilah mengikut prosedur tertentu iaitu mendapat sokongan daripada semua cawangan pada mesyuarat itu, bukan setakat jawatankuasa cawangan.

“Begitu juga jika membabitkan peringkat bahagian, maka bahagian itu perlu bersidang. Sebab itu apabila kita ada mesyuarat bahagian, masa itu kita mengemukakan beberapa usul untuk dibawa kepada mesyuarat agung.

“Demikian juga kalau dalam mesyuarat agung pun, kalau nak buat usul, dia kena buat daripada seluruh ahli mereka yang menghadiri mesyuarat, dan ada notis sehari ke serta bermacam lagi prosedur.

“Kalau kita buat usul dengan begitu mudah, tak henti-hentilah usul datang. Adalah jelas mereka (Umno Senai) tidak mengikut prosedur. Saya difahamkan, usul itu tidak dibawa ke mesyuarat penuh bahagian, tetapi oleh jawatankuasa yang tidak lengkap,” katanya.

Dr Mahathir berkata, jika sesuatu usul hendak dibawa ke Perhimpunan

nya mengenai wawancara beliau yang tersiar dalam akhbar *Mingguan Malaysia* Ahad lalu yang antara lain memaparkan perasaan kecewanya dengan sikap Melayu yang suka bergantung kepada bantuan, subsidi dan hak istimewa amat mengecewakannya.

“Ia bukannya kata-kata kesat. Ia adalah nasihat saja,” katanya.

Mengenai taklimat tertutupnya dengan perwakilan selama kira-kira dua jam, Dr Mahathir berkata, beliau cuma mahu menjelaskan kepada mereka supaya mengambil kira keadaan sekeliling dunia apabila berbahas pada perhimpunan agung mulai Khamis ini.

“Kita mesti ambil kira juga keadaan di sekeliling dunia, di sekeliling kita, sama ada dalam negara atau luar negara supaya apabila kita membahaskan, kita tidak bercakap seolah-olah kita tak ada kaitan langsung dengan apa yang ada di sekeliling dan kita cakap begitu saja,” katanya.

Beliau berkata, dunia kini menghadapi cabaran tertentu seperti globalisasi, dunia tanpa sempadan, pasaran bebas dan kesannya terhadap hak istimewa Bumiputera yang mereka perlu fahami.